

14/01/2001

Umno ikhlas ajak Pas berbincang: Hishammuddin

KUALA LUMPUR: Umno tidak pernah terdesak kononnya berlaku perpecahan teruk di dalam parti hingga terpaksa mengajak Pas berbincang mengenai perpaduan Melayu, kata Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

"Umno sebenarnya berniat suci, ikhlas dan jujur apabila mahu berbincang dengan Pas dan Keadilan mengenai perpaduan Melayu. Kita tidak ada niat atau agenda tersembunyi. Kita tidak ada niat yang bukan-bukan. Kita juga bukan terdesak.

"Umno masih kuat dan tidak terdesak untuk cari kekuatan. Umno hanya mahu menyatupadukan orang Melayu," katanya kepada pemberita selepas Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri di Ampang, di sini semalam.

Presiden Umno dan Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata, parti itu mahu berbincang dengan Pas dan Keadilan mengenai perpaduan Melayu.

Pas bersetuju menyertai perbincangan berkenaan. Bagaimanapun, Keadilan enggan berbuat demikian selepas memutuskan ia bukan parti Melayu.

Umno kemudian meneruskan cadangan itu untuk berbincang dengan Pas tanpa kehadiran Keadilan. Perdana Menteri menegaskan Umno tidak menghadapi masalah untuk mengadakan perbincangan dengan Pas saja.

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, sewajarnya Pas menyokong usul dikemukakan Dr Mahathir kerana ia `amat baik demi masa depan orang Melayu'.

"Yang penting ialah orang Melayu bersatu padu dan tidak berpecah belah serta tidak dicemuh oleh orang lain. Yang penting ada keharmonian jitu di negara ini," katanya.

Sehubungan itu, katanya, Pergerakan Pemuda akan menjelajah ke pelusuk negara untuk menerangkan hal berkenaan (perpaduan Melayu) sekali gus mengetahui kehendak sebenar rakyat jelata.

Setakat ini, beliau sudah melawat tiga negeri dan akan terus berbuat demikian sebelum berakhirnya Syawal.

Mengenai pembatalan debat dengan Ketua Dewan Pemuda Pas, Mahfuz Omar, beliau berkata:

"Biarlah apa yang Mahfuz hendak katakan. Dia boleh kata dia mahu debat dengan tajuk lain, bukan bincang hak keistimewaan orang Melayu. Saya tetap tidak mahu (debat). Saya lebih pentingkan perpaduan Melayu. Yang penting Melayu, bukan saya atau Mahfuz."

Mahfuz baru-baru ini dilaporkan tetap mahu meneruskan debat dengan Ketua Pemuda Umno itu, tetapi atas tajuk perbincangan berbeza, bukan seperti membincang hak keistimewaan Melayu sebagaimana rancangan asal.

Bagaimanapun, Timbalan Presiden Umno yang juga Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengarah debat berkenaan dibatal kerana parti terbabit mahu berbincang perpaduan Melayu dengan Pas dan Keadilan.

Moderator perdebatan, Profesor Diraja Ungku Aziz, pula dilaporkan berkata terpulang kepada Hishammuddin atau Mahfuz untuk meneruskan debat, kerana dia tidak berkuasa menentukan apa-apa.

(END)